

Pasukan task force ditubuh periksa flat

SATU pasukan *task force* akan ditubuhkan dalam masa terdekat bagi tujuan pemeriksaan menyeluruh di flat-flat kelolaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kuala Lumpur, **Muhammad Salleh Abdul** berkata pemeriksaan yang akan dijalankan oleh pasukan *task force* tersebut adalah sebagai tindakan segera bagi meningkatkan dan membaiki sistem-sistem sedia ada.

“Itu adalah tindakan segera. Kita akan buat siasatan dan cadangan yang perlu untuk mempertingkatkan dan baiki sistem-sistem yang ada untuk kediaman sebegini,” katanya pada sidang media di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Cheras, baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan kejadian kebakaran yang berlaku di Flat Sri Sabah pada Ahad lalu adalah berpunca daripada masalah pendawaian elektrik bermula di unit nombor tiga tingkat 17 sekali gus menafikan dakwaan bahawa ia berpunca daripada bunga api.

“Siasatan forensik yang dijalankan mengenal pasti bahawa punca kebakaran tersebut bermula di unit nombor 3 dan hasil sama dengan siasatan memang difahamkan semasa kebakaran unit tersebut ditutup di pintu depan dan belakang jadi dari segi maklumat awal pihak umum



MUHAMMAD SALLEH pada sidang media di Flat Sri Sabah.

mengatakan kebakaran disebabkan bunga api dan benda lain tu adalah tidak benar.

“Siasatan forensik kita mengesahkan kebakaran tersebut dipercayai disebabkan punca elektrik dan ia tertumpu kepada kotak agihan (DB). Kita percaya 90 peratus ia adalah punca kebakaran dan 10 peratus lagi kita sedang mengesahkan dari segi ujian teknikal bahawa itu adalah punca utama

“Bermakna ia bermula di situ dan merebak ke unit-unit kedua hingga keenam. Kedua berkenaan dakwaan bahawa pili bomba tidak boleh digunakan, kita telah berjumpa pengadu dan menjelaskan bahawa alat bantu

mula atau *hose reel* di bangunan itu yang tidak berfungsi,” katanya yang turut menafikan dakwaan penduduk mengatakan pili bomba di lokasi itu bermasalah sehingga menyebabkan kelewatan untuk memadam kebakaran.

Sementara itu, rentetan daripada kejadian kebakaran yang memusnahkan lima unit kediaman di Flat Sri Sabah pada Ahad (11 Februari) lalu, DBKL bertindak menyediakan lori tangki air sebanyak tiga kali sehari kepada seluruh mangsa yang terjejas susulan kejadian berkenaan.

Menurut DBKL, lori tangki air tersebut disediakan secara berperingkat iaitu pada sebelah pagi, petang dan malam. **WK**